

23 JUN 2003

Institut-Dr Mahathir

K/PENDIDIKAN SAMBUT BAIK CADANGAN TUBUH INSTITUT PEMIKIRAN DR MAHATHIR

KEMAMAN, 23 Jun (Bernama) -- Kementerian Pendidikan menyambut baik hasrat kerajaan untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir kerana pemikiran beliau boleh dijadikan kurikulum baru di semua peringkat pendidikan.

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia Datuk Abdul Rafie Mahat berkata ketokohan dan perjuangan pemimpin adalah sebahagian daripada sejarah negara dan ia penting untuk memajukan pemikiran rakyat.

"Konsep kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berteraskan nasionalisme Islam, beliau adalah reformis pemikiran yang menggerakkan minda," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Taman Tema Bahasa Inggeris (ETP) di Sekolah Kebangsaan Kemasik, Kemaman di sini, semalam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 minggu lepas mengumumkan persetujuan kerajaan menubuhkan Institut Pemikiran Dr Mahathir sebagai penghargaan negara dan rakyat terhadap jasa dan sumbangan Dr Mahathir kepada negara.

Abdul Rafie berkata sejarah kepimpinan negara, kemerdekaan dan kedaulatan negara perlu didedahkan kepada generasi muda hari ini.

Menurut beliau, Kementerian juga menyambut baik sumbangan dan kerjasama sektor korporat dalam bidang pendidikan khususnya dalam menyediakan kandungan bagi meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah.

Sementara itu, ETP yang ditubuhkan di Sekolah Kebangsaan Kemasik merupakan perkongsian bijak antara Exxonmobil dan Jabatan Pendidikan Negeri serta Pusat Sumber Pendidikan Terengganu bagi mempromosi bahasa Inggeris dalam suasana ceria.

Pada majlis itu, Exxonmobil menyumbang RM192,000 bagi penubuhan ETP. Sumbangan disampaikan oleh Pengerusi Exxonmobil Subsidiaries Malaysia Robert Fisher kepada Abdul Rafie.

ETP memperkenalkan pembelajaran secara bertema dengan pelajar dan guru tidak terikat kepada buku teks sebagai bahan pembelajaran mereka.

ETP juga membabitkan stesen pembelajaran dalaman seperti pembelajaran sudut komputer, sudut bercerita dan sudut audio manakala stesen luaran pula meliputi pembelajaran di luar bilik darjah dalam format menarik dan berupaya meningkatkan minat dan keupayaan pelajar menguasai Bahasa Inggeris.

-- BERNAMA

LIB LAT PR